

AHLI LEMBAGA

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir

Pengerusi KWSP

Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga KWSP pada 1 Mei 2020.

Sebelum pelantikan ini, beliau merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan, jawatan yang telah disandang sejak 12 September 2018. Tan Sri Ahmad Badri menganggotai Panel Pelaburan KWSP sejak 2014 dan berpengalaman luas dalam bidang pelaburan strategik, pengurusan pinjaman, pasaran kewangan, dan sains aktuari.

Selain memegang jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tan Sri Ahmad Badri juga merupakan Pengerusi RHB Bank Berhad, Pengerusi IJN Holdings Sdn. Bhd. dan adalah Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad. Terdahulu, beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP), Permodalan Nasional Berhad (PNB), dan Tenaga Nasional Berhad.

Sebelum dilantik sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Kewangan Kementerian Kewangan pada tahun 1989, dimana beliau berkhidmat selama lebih dari 30 tahun dalam pelbagai jawatan, Tan Sri Ahmad Badri memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Penilaian Kanan di C.H. Williams, Talhar & Wong Sdn. Bhd.

Tan Sri Badri berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti of Hull, United Kingdom, Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dan Diploma dalam Pengurusan Hartanah daripada Universiti Teknologi MARA dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN).



Zakiah Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia

Zakiah Jaafar dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula 1 Februari 2020.

Zakiah Jaafar merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).

Beliau menyertai perkhidmatan awam pada tahun 1991 dan menyumbang 28 tahun kerjayanya di Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebelum menyertai Kementerian Kewangan Malaysia pada penghujung tahun 2019. Di EPU, beliau pernah memegang pelbagai portfolio termasuk kerangka makroekonomi, ekonomi berasaskan pengetahuan (*knowledge-based economy*) dan perumahan sektor awam. Beliau kini di KKM, mengawasi bajet nasional, polisi cukai, pengurusan fiskal dan makroekonomi, dan agensi-agensy pelaporan kredit.

Selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah KWSP, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Petronas, Pengurusan Aset Air Berhad dan Bintulu Port Holdings.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada University of Warwick, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Sains Sosial (Ekonomi) daripada University of Birmingham, United Kingdom. Beliau juga pernah menghadiri 'Advanced Management and Leadership Programme' di University of Oxford dan 'Premier Executive Advanced Development Programme' di Canberra, Australia.



AHLI LEMBAGA



Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam

Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula 2 Januari 2020.

Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman merupakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Razak School of Government (RSOG), Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB), Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kumpulan Wang Balu & Anak Yatim Sabah (WOPF Sabah), Kumpulan Wang Balu & Anak Yatim Sarawak (WOPF Sarawak) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Polisi Awam daripada Universiti Saitama, Jepun.



Dato' Jamil Rakon

Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia

Dato' Jamil Rakon dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Kerajaan bermula 1 September 2020.

Dato' Jamil Rakon merupakan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Beliau telah berkhidmat selama 36 tahun dalam Perkhidmatan Awam. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri dan Timbalan Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan.

Beliau berkelulusan Sarjana Pengurusan (Sumber Manusia) daripada Australian Institute of Criminology, Canberra, Australia.

AHLI LEMBAGA

Datuk Amar Jaul Samion

Setiausaha, Kerajaan Negeri Sarawak

Datuk Amar Jaul Samion telah dilantik sebagai Wakil Kerajaan dalam Lembaga KWSP bermula 13 Ogos 2019.

Beliau merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 40 tahun dalam perkhidmatan kerajaan. Selain menjadi Ahli Lembaga KWSP, Datuk Amar Jaul Samion juga merupakan Ahli Lembaga Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB), Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC), Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA), dan juga Pengerusi untuk pelbagai badan berkanun Kerajaan Negeri.

Beliau berkelulusan Sarjana di dalam bidang Pengurusan Perniagaan (Korporat) daripada Ohio University, Amerika Syarikat.



Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong

Setiausaha, Kerajaan Negeri Sabah

Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong telah dilantik sebagai Wakil Kerajaan dalam Lembaga KWSP bermula 1 April 2020.

Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Bin Untong merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Sebelum dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada 4 November 2019, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. Beliau adalah seorang Juruukur Tanah Profesional Berdaftar, Anggota Institusi Juruukur Diraja Malaysia (FRISM) dan Fellow Kehormat Pakar Institut Utiliti Antarabangsa.

Beliau juga kini merupakan Presiden Institut Pakar Utiliti Antarabangsa (Sesi 2019-2023) dan Ahli Majlis Persekutuan Tanah dan Ukur Tanah ASEAN (Sesi 2019-2021).

Beliau berkelulusan Sarjana Sains dalam bidang Pembangunan dan Pentadbiran Tanah daripada Universiti Teknologi Malaysia, Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Malaysia Sabah dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) daripada Universiti Teknologi Malaysia.



AHLI LEMBAGA



Dato' Dr. Syed Hussain Syed Husman

Presiden, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)

Dato' Dr. Syed Hussain Syed Husman telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Majikan bermula 1 November 2020.

Dato' Dr. Syed Hussain bin Syed Husman kini memegang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif SVTT Resources Sdn. Bhd, di mana jawatan tersebut telah dipegang olehnya sejak 2011. Beliau juga kini berkhidmat sebagai Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Pengerusi KIP *Real Estate Investment Trust* (REIT).

Dato' Dr. Syed Hussain bin Syed Husman juga dilantik sebagai Ahli Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKPP), Majlis Penasihat Malaysian Society for Occupational Health and Safety (MSOSH), Majlis Perundingan Gaji Negara, Ahli National Labour Advisory Council (NLAC), Anggota Majlis Pekerjaan Negara (NEC) dan Ahli Majlis TVET Negara (MTVET).

Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1987 dan memperoleh pengalaman dalam bidang sumber manusia di ICI Malaysia. Selain beliau memiliki pengalaman yang luas melalui pelbagai peranan kepemimpinan di Procter & Gamble Malaysia dan Singapura, Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, British American Tobacco Berhad dan Petrofield (M) Berhad.

Beliau berkelulusan Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan daripada Western Illinois University, Amerika Syarikat, dan pernah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan di Harvard Business School, Amerika Syarikat.



Datuk Mohd Hasnol Ayub

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah

Datuk Mohd Hasnol Ayub telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Majikan bermula 1 Jun 2009.

Beliau merupakan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah.

Beliau berkelulusan Diploma Pasca Siswazah dan Ijazah Sarjana dalam bidang Pengurusan Perniagaan dari University of Wales Cardiff, United Kingdom.

AHLI LEMBAGA

Tan Sri Dr. Lim Wee Chai

Presiden Emeritus Persekutuan Pengkilang-Pengkilang Malaysia (FMM)

Tan Sri Dr. Lim Wee Chai telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Majikan pada 1 Julai 2015.

Tan Sri Dr. Lim ialah Pengerusi Eksekutif dan Pengasas Top Glove Corporation Bhd, yang ditubuhkan pada 1991 dan kini merupakan syarikat pengeluar sarung tangan terbesar di dunia.

Beliau terlibat dalam pelbagai Persatuan dan organisasi di Malaysia. Beliau merupakan Fellow Kehormat Institut Fizik Malaysia (IFM) sejak tahun 2019. Di samping itu, Tan Sri Dr. Lim juga merupakan Presiden Kehormat Dewan Perniagaan dan Industri Cina Malaysia. Beliau juga memegang peranan Penasihat Kehormat Seumur Hidup Persekutuan Persatuan Cina Malaysia.

Beliau juga merupakan Presiden Emeritus tahun 2019/2020 bagi Persekutuan Pengkilang-Pengkilang Malaysia (FMM).

Tan Sri Dr. Lim juga telah memegang pelbagai jawatan sebelum ini termasuk Presiden Persekutuan Pengkilang-Pengkilang Malaysia, Presiden Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia, Pengarah Persatuan Industri Perubatan Malaysia dan Ahli Lembaga di Lembaga Getah Malaysia, serta Ahli Majlis-Majlis Perniagaan Asia Timur.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam bidang Fizik daripada Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Sul Ross State University, Texas, Amerika Syarikat. Pada tahun 2015, beliau memperoleh ijazah Doktor Falsafah Pengurusan daripada Universiti Selangor, Malaysia. Beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Pentadbiran Perniagaan oleh Oklahoma City University, Amerika Syarikat pada tahun 2016 dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam Keusahawanan oleh Management & Science University, Malaysia pada tahun 2018.



Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)

Timbalan Presiden, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak

Datuk Dr. Ting Ding Ing dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP pada 1 Jun 2019.

Beliau merupakan Timbalan Presiden Persekutuan Perniagaan Sarawak dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Sarawak.

Beliau merupakan Ahli Lembaga Sarawak Multi Media Authority, Ibraco Bhd, Swinburne University Sarawak Sdn Bhd, Pengerusi Swinburne Innovation Sdn Bhd, dan Ahli Jawatankuasa Malaysian International Chamber of Commerce and Industry. Beliau juga merupakan Konsul Kehormat bagi Australia di Sarawak.

Beliau juga merupakan Fellow Institute of Chartered Accountants Australia and New Zealand, Ahli Chartered Accountant Malaysia, Akauntan bertauliah Malaysia, pernah dilantik sebagai rakan kongsi antarabangsa firma Arthur Andersen & Co, dan Hanafiah Raslan & Mohamad.

Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO) dan Malaysian Medical Foundation, serta Pengarah Urusan Kumpulan Cahya Mata Sarawak Bhd.

Datuk Dr. Ting Ding Ing memegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Ijazah Kedoktoran daripada Swinburne University of Technology, Melbourne, Australia. Beliau kini merupakan Profesor Adjung di universiti tersebut.



AHLI LEMBAGA



Dato' Abdul Halim Mansor

Presiden, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)

Dato' Abdul Halim Mansor telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja pada Januari 2017.

Dato' Abdul Halim merupakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia sejak tahun 2016 dan merupakan Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perusahaan Industri Petroleum dan Kimia (NUPCIW) sejak tahun 1986. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO), Pengerusi Giat MARA, Presiden ASEAN Trade Union Council, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara, dan Ahli Majlis TVET ASEAN.

Selain merupakan Ahli Kesatuan Sekerja yang aktif dengan rekod cemerlang, beliau juga memiliki pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang undang-undang buruh, dasar pekerjaan, hubungan industri, dan keselamatan pekerjaan. Beliau sebelum ini merupakan Ahli Panel Mahkamah Industri dan Ahli Lembaga Rayuan PERKESO.

Beliau kini berkhidmat dengan Nylex (Malaysia) Sdn. Bhd.



Tuan Haji Adnan Mat

Presiden, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Awam Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)

Tuan Haji Adnan Mat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula 1 Jun 2017.

Beliau merupakan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia.

Beliau bertugas di Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-Pekerja Sains & Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana. Beliau merupakan seorang anggota awam dengan rekod jejak kesatuan yang lama.

Selaku Presiden CUEPACS, beliau telah dilantik sebagai Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan di Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Beliau juga terlibat secara aktif dalam gerakan Koperasi selaras dengan pelantikan beliau sebagai Setiausaha Koperasi KOSPETA Malaysia Berhad (Koop Negara No 66).

Beliau berkelulusan Diploma The Royal Society for the Promotion of Health (RSH London) dari Institut Kesihatan Umum Kuala Lumpur.

AHLI LEMBAGA

Hadiah Leen

Presiden, Kesatuan Pekerja Bank Sarawak

Hadiah Leen telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula 1 Februari 2012.

Terdahulu, beliau merupakan anggota Hong Leong Bank Berhad, Cawangan Satok, Kuching dan beliau aktif dalam aktiviti kesatuan sekerja. Sejak tahun 2001, beliau merupakan Presiden Kesatuan Pekerja Bank Sarawak, Ketua Wanita Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Bahagian Sarawak. Beliau menjadi Ahli Eksekutif Lembaga UNI-Apro Region pada tahun 2005 dan dilantik semula pada tahun 2015. Beliau merupakan ahli mewakili panel pekerja dalam Mahkamah Perusahaan pada tahun 2010 dan dilantik semula pada tahun 2015. Beliau juga merupakan ahli International Society for Labour and Social Security Law, Malaysia.

Beliau berkelulusan Diploma Pengurusan Perniagaan daripada Institute of Professional and Managerial Administration, Kolej Putra, Kuala Lumpur, Diploma in International Labour Standards, Fundamental Principles and Rights at Work daripada the ILO Centre Turin, Italy, dan Sijil Pengurusan Anggota daripada Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia. Beliau pernah menyertai Program Pengarah Wanita Malaysia bersama NAM Institute for the Empowerment of Women pada 2013.



Catherine Jikunan

*Setiausaha, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
Kesatuan Sekerja Bank Sabah*

Catherine Jikunan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Pekerja bermula 1 Jun 2013.

Beliau merupakan Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Sabah, Setiausaha Agung Sabah Banking Employees' Union, Presiden bagi Asean Bank Union Council, EXCO bagi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Timbalan Bendahari bagi Kesatuan Pekerja-Pekerja Bank Kebangsaan dan Naib Presiden Union Network International Asia Pacific.

Beliau berkelulusan Diploma Perbankan dan Sarjana Muda Pentadbiran Korporat (Kepujian), kedua-duanya daripada Universiti Teknologi Mara. Beliau turut memiliki Ijazah Sarjana dalam Labour Policies and Globalisation daripada University of Kassel and Berlin School of Economy, Jerman.



AHLI LEMBAGA



Datuk Thomas George M.S. George

Mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

Datuk Thomas George M.S. George telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula pada 1 Jun 2013.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah dan kemudiannya sebagai Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Penyelaras Projek Kanan, Pengurusan Pembangunan dan Program Kualiti, Institut Tadbiran Awam Negara. Datuk Thomas George M.S. George juga pernah menyandang jawatan Ketua Setiausaha di Kementerian Sumber Manusia dari 27 Mei 2006 sehingga 21 April 2009 dan Ketua Setiausaha di Kementerian Kerja Raya dari 22 April 2009 sehingga beliau bersara.

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Awam daripada George Washington University, Amerika Syarikat.



Zainal Abidin Mohd Kassim

Rakan Kongsi Kanan, Actuarial Partners Consulting Sdn Bhd

Zainal Abidin Mohd Kassim telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula 1 Jun 2015.

Beliau kini merupakan Pengarah Urusan dan Rakan Kongsi Kanan Actuarial Partners Consulting Sdn Bhd. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1978 di Prudential Assurance Plc di London.

Beliau berkelulusan (Kepujian) Kelas Pertama dalam Sains Aktuari dari City, University of London dan merupakan Fellow di Institut dan Fakulti Aktuari, United Kingdom. Selain itu, beliau juga merupakan seorang Fellow Persatuan Aktuari Malaysia dan Associate of the Society of Actuaries, Amerika Syarikat serta pernah menjadi Presiden Persatuan Aktuari Malaysia.

AHLI LEMBAGA

Khalid Haji Sufat

Pengarah Bukan Bebas & Bukan Eksekutif, Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad

Khalid Haji Sufat telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula 1 Jun 2017.

Sebagai seorang akauntan, Khalid Haji Sufat berpengalaman luas dalam industri perbankan dan memegang beberapa jawatan kanan seperti Pengarah Urusan di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Pengurus Besar, Perbankan Pengguna di Malayan Banking Berhad dan Pengarah Eksekutif di United Merchant Finance Berhad.

Beliau sebelum ini pernah menguruskan tiga syarikat tersenarai iaitu sebagai Pengarah Eksekutif di Tronoh Mines Malaysia Berhad, Timbalan Pengerusi Eksekutif di Furaqan Business Organization Berhad dan Pengarah Urusan Kumpulan di Seacera Tiles Berhad.

Beliau juga merupakan Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk MNRB Holdings Berhad, Malaysian Reinsurance Bhd dan Kuwait Finance House (Malaysia) Bhd.

Beliau merupakan Fellow Chartered Certified Accountants (UK), Ahli Malaysian Institute of Certified Public Accountants dan Malaysian Institute of Accountants.



Dato' Mohammed Azlan Hashim

*Pengerusi (Eksekutif)
Marine & General Berhad*

Dato' Mohammed Azlan Hashim telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional dan merupakan Pengerusi Panel Pelaburan KWSP bermula 1 September 2020.

Beliau juga memegang jawatan Pengerusi di beberapa entiti awam yang tersenarai seperti D&O Green Technologies Berhad, Marine & General Berhad, IHH Healthcare Berhad dan Telekom Nasional Berhad. Selain itu, Dato' Mohammed Azlan Hashim merupakan Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor korporat, merangkumi perkhidmatan kewangan dan pelaburan.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Monash University, Melbourne, Australia, dan merupakan serorang akauntan bertauliah. Selain itu, Dato' Mohammed Azlan Hashim adalah Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia, Institute of Chartered Secretaries and Administrators, serta Ahli Institusi Akauntan Malaysia.



AHLI LEMBAGA

Datuk Ruben Emir Gnanalingam Abdullah

Pengarah Urusan, Westport Holdings Berhad

Datuk Ruben Emir Gnanalingam Abdullah telah dilantik sebagai Ahli Lembaga KWSP mewakili Profesional bermula 1 September 2020.

Kerjaya beliau bermula sebagai seorang pelatih di Westport Malaysia Sdn Bhd (WMSB) sebelum mengambil keputusan untuk menubuhkan The Makmal Group. Beliau kemudian menyertai semula WMSB sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2009 dan kemudian dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Westports Holdings Bhd pada 2018.

Datuk Ruben merupakan pemilik dan Naib Pengerusi Kelab Bola Sepak Queens Park Rangers dan pemilik serta Ahli Lembaga Kelab Bola Sepak Los Angeles (LAFC). Beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis Eksekutif Persatuan Bola Sepak Selangor dan pemilik pasukan bola keranjang KL Dragons. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga ASEAN Basketball League (ABL) dan Ahli Lembaga NBA Junior Asia Advisory.

Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Bintang Capital Partners Berhad dan Malaysian Productivity Corporation. Datuk Ruben juga merupakan Naib Presiden Kuala Lumpur Business Club Malaysia dan Ahli APEC Business Advisory Council (ABAC). Beliau juga melibatkan diri dalam kegiatan amal yang mana beliau merupakan Pengerusi QPR Community Trust, Westports Foundation dan Ketua Pegawai Eksekutif Action Network.

Datuk Ruben Emir Gnanalingam merupakan bekas pelajar Victoria Institution dan Kolej Eton di United Kingdom, sebelum memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi daripada London School of Economics and Political Science, United Kingdom pada 1998. Beliau juga berkelulusan Diploma dalam Pengurusan Pelabuhan yang dianugerahkan oleh University of Cambridge Local Examinations Syndicate. Selain itu, Datuk Ruben juga menghadiri pelbagai program pendidikan eksekutif yang dianjurkan oleh Harvard Business School seperti Program Pembangunan Pengurusan Kanan dan Program Pembangunan Kepimpinan.

Alizakri Alias

Ketua Pegawai Eksekutif

Alizakri Alias telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP pada 20 Ogos 2018.

Alizakri Alias menyertai KWSP pada 1 Januari 2014 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi dan bertanggungjawab untuk mengawasi dasar nasional berkaitan perlindungan sosial serta perkembangan produk dan perkhidmatan KWSP. Di samping itu, beliau bertanggungjawab dalam aspek strategi dan urusan korporat, modal insan, dan pengembangan bakat.

Alizakri merupakan Ahli Lembaga Pengarah Battersea Power Station Development Company Limited, Sime Darby Plantations Bhd dan Kwasa Utama Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Astro Malaysia Holdings Bhd sejak Februari 2019, dan pernah menyandang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Dialog Group Berhad, Naib Pengerusi Suruhanjaya Teknikal Organisasi, Pengurusan & Inovasi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), dan Ketua Setiausaha Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA).

Alizakri memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Cornell University, dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada King's College, University of London, United Kingdom. Beliau berkecualan sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Malaya dan sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di Mahkamah England dan Wales.

AHLI SILIH GANTI LEMBAGA

WAKIL KERAJAAN



Dato' Sri Haji Mohamad Abu Bakar Marzuki

13.8.2019 - 31.5.2021

Kerajaan

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Transformasi Sosioekonomi)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak



Datin Setia Nik Roslini Raja Ismail

1.4.2020 - 31.5.2021

Kerajaan

Timbalan Setiausaha
Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia



Datuk Seri Haji Suhaimi Mahbar

1.4.2020 - 31.5.2021

Kerajaan

Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam
(Pembangunan), Jabatan
Perkhidmatan Awam



Betty Hasan

1.4.2020 - 1.9.2020

Kerajaan

Pengarah Kanan
Institut Maklumat dan Analisa
Pasaran Buruh (ILMIA),
Kementerian Sumber Manusia



Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai

1.4.2020 - 31.5.2021

Kerajaan

Pengarah Perkhidmatan Awam
Negeri Sabah

AHLI PANEL PELABURAN



Dato' Mohammed Azlan Hashim

1.9.2020 - 31.8.2022

Pengerusi (Eksekutif)

Marine & General Berhad

Dato' Mohammed Azlan Hashim telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWSP bermula 1 September 2020.

Beliau juga memegang jawatan Pengerusi di beberapa entiti awam yang tersenarai seperti D&O Green Technologies Berhad, Marine & General Berhad, IHH Healthcare Berhad dan Telekom Nasional Berhad. Selain itu, Dato' Mohammed Azlan Hashim merupakan Ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor korporat, merangkumi perkhidmatan kewangan dan pelaburan.

Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Monash University, Melbourne dan merupakan seorang akauntan bertauliah. Selain itu, Dato' Mohammed Azlan Hashim adalah Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia, Institute of Chartered Secretaries and Administrators, serta Ahli Institusi Akauntan Malaysia.



Dr. Sivabalasingam Veerasingam

1.5.2020 - 31.5.2021

Ketua Ekonomi

Bahagian Fiskal dan Ekonomi
Kementerian Kewangan Malaysia

Dr. Sivabalasingam Veerasingam telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 1 Mei 2020.

Dr. Sivabalasingam kini memegang jawatan sebagai Ketua Ekonomi di bawah Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Seksyen Ekonometrik di bawah Bahagian Ekonomi & Antarabangsa Kementerian Kewangan, Timbalan Pengarah Kluster untuk Penyelidikan Pembangunan dan Dasar Institut Pentadbiran Awam Negara, Ketua Seksyen di Seksyen Makro dan Seksyen Ekonometrik di Kementerian Kewangan, Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Ekonometrik dan Seksyen Makro di Bahagian Ekonomi & Dalaman Kementerian Kewangan dan Penolong Setiausaha Seksyen Makro dan Seksyen Insurans di Pengurusan Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan. Beliau yang berpengalaman luas di Kementerian Kewangan, telah memulakan kerjayanya sebagai Inspektor Polis (Bahagian Pengurusan) di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 1987.

Di samping itu, Dr. Sivabalasingam memegang jawatan sebagai Pengarah di Prasarana Malaysia Berhad dan DanaInfra Nasional Berhad. Beliau juga telah menulis beberapa jurnal ekonomi.

Beliau memiliki Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Association of International Accountants (UK), Sarjana Kewangan daripada Royal Melbourne Institute of Technology Australia dan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Putra Malaysia.

AHLI PANEL PELABURAN



Adnan Zaylani Mohamad Zahid

4.11.2018 - 15.3.2020

Penolong Gabenor
Bank Negara Malaysia

Adnan Zaylani telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 4 November 2018.

Adnan Zaylani memegang jawatan sebagai Penolong Gabenor di Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab untuk pembangunan sektor kewangan dan insurans, pembangunan kewangan, kewangan Islam dan mengawasi jabatan perundangan. Beliau ialah Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bank, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan menganggotai pelbagai jawatankuasa dasar dan pembangunan lain di bank. Encik Adnan mewakili bank dalam Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Credit Guarantee Corporation (CGC). Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Audit di INCEIF, Anggota Lembaga Labuan FSA dan merupakan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah (BEC) International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM).

Encik Adnan merupakan pemegang Ijazah Sarjana dalam Public Policy daripada Blavatnik School of Government, University of Oxford, Sarjana Sains dalam Global Market Economics, London School of Economics dan Sarjana Muda Sains dalam Economics, London School of Economics. Beliau merupakan Ahli Financial Market Association of Malaysia.



Rossana Annizah Ahmad Rashid

1.6.2015 - 31.5.2021

Pengerusi,
Bank Simpanan Nasional

Rossana Annizah Ahmad Rashid telah dilantik pada 1 Jun 2015.

Rossana Annizah merupakan Pengerusi Peringkat Negara bagi The Jardine Matheson Group of Companies di Malaysia, serta Naib Pengerusi dan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif, Lembaga Pengarah Cycle & Carriage Bintang Berhad dan ahli The Jardine Matheson Group.

Selain menjadi Ahli Lembaga Pengarah Celcom Axiata Berhad dan edotco Group Sdn Bhd, yang merupakan anak-anak syarikat Axiata Group Berhad, beliau merupakan Pengerusi Bank Simpanan Nasional dan Prudential BSN Takaful Berhad. Di samping itu, Rosanna juga turut berkhidmat di Lembaga Astro Malaysia Holdings Berhad.

Beliau banyak menerajui jawatan kepimpinan di sektor telekomunikasi dan perbankan. Rosanna telah memulakan kerjaya di Citibank Malaysia, dan sebelum ini pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan seperti di TIME dotCom Berhad, Maxis Berhad dan RHB Bank Berhad. Dengan pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam strategi perniagaan, beliau arif dalam mengenal pasti model monetisasi yang mampan, keperluan pelanggan dan persaingan serta keperluan dalam mengkaji semula model monetisasi yang memfokuskan kepada pengurusan pendapatan dan pengurusan kos.

Rossana berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Perbankan dan Kewangan daripada Canberra College of Advanced Education, Australia (kini dikenali sebagai University of Canberra).

AHLI PANEL PELABURAN



Dato' Md Agil Mohd Natt
1.6.2017 - 31.5.2021

Pengerusi Bukan Eksekutif,
Affin Bank Berhad

Dato' Md Agil Mohd Natt telah dilantik sebagai Panel Pelaburan pada 1 Jun 2017.

Kerjaya Dato' Md Agil bermula sebagai Pengurus Kewangan Korporat di Bumiputra Merchant Bankers Berhad pada tahun 1977 sebelum mula berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kanan di Island & Peninsular Berhad. Beliau juga merupakan Ketua Perwakilan Kleinwort Benson Limited sebelum menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar Kanan, Perbankan Korporat, Ketua Pegawai Eksekutif di Aseambankers Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad), dan Timbalan Presiden/ Pengarah Eksekutif di Maybank.

Sebelum bersara daripada dunia korporat pada tahun 2011, jawatan terakhir beliau merupakan Presiden and Ketua Pegawai Eksekutif di Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa, Universiti Kewangan Islam Dunia.

Beliau kini memegang jawatan Pengerusi bukan eksekutif bebas di Affin Bank Berhad, Manulife Insurance Berhad, dan Manulife Investment Management Berhad.

Beliau memegang Ijazah Kepujian Ekonomi daripada Brunel University London, United Kingdom, Ijazah Sarjana Kewangan daripada Cass Business School London, United Kingdom dan pernah menghadiri Program Pengurusan Advance di Harvard Business School, Amerika Syarikat.



Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad
1.11.2020 - 31.10.2022

Dato' Wan Kamaruzaman telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan pada 1 November 2020.

Dato' Wan Kamaruzaman merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Bursa Malaysia Berhad. Selain daripada itu, Dato' Wan Kamaruzaman juga memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga di pelbagai organisasi tersenarai seperti Al-Aqar Healthcare REIT, Al-Salam Real Estate Investment Trust dan Minority Shareholders Watch Group. Terdahulu, beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Penasihat kepada FTSE4Good Index to Financial Times Stock Exchange (FTSE) Russel, London, Ahli Lembaga di Pacific Trustee Sdn Bhd, Nomura Islamic Asset Management Sdn Bhd, RHL Ventures Advisory Sdn Bhd, Pengerusi Institutional Investors Council Malaysia, Ketua Pegawai Eksekutif Ahli Lembaga Retirement Fund (Incorporated), Ahli Lembaga Malakoff Corporation Berhad dan Prima Ekuiti (UK) Limited.

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Ekonomi (Analitik Ekonomi) daripada Universiti Malaya dan merupakan seorang pegawai bank berkanun lulusan Asian Institute of Chartered Bankers.

AHLI PANEL PELABURAN



Alizakri Alias

20.8.2018 - 28.2.2021

Ketua Pegawai Eksekutif

Alizakri Alias telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWSP pada 20 Ogos 2018.

Alizakri Alias menyertai KWSP pada 1 Januari 2014 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Strategi dan bertanggungjawab untuk mengawasi dasar nasional berkaitan perlindungan sosial serta perkembangan produk dan perkhidmatan KWSP. Di samping itu, beliau bertanggungjawab dalam aspek strategi dan urusan korporat, modal insan, dan pengembangan bakat.

Alizakri merupakan Ahli Lembaga Pengarah Battersea Power Station Development Company Limited, Sime Darby Plantations Bhd dan Kwasa Utama Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Astro Malaysia Holdings Bhd sejak Februari 2019, dan pernah menyandang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Dialog Group Berhad, Naib Pengerusi Suruhanjaya Teknikal Organisasi, Pengurusan & Inovasi Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), dan Ketua Setiausaha Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA).

Alizakri memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Cornell University, dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada King's College, University of London, United Kingdom. Beliau berkecualan sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Malaya dan sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di Mahkamah England dan Wales.

AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN YANG BARU DILANTIK



Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman
2.1.2020

Kerajaan



Zakiah Jaafar
1.2.2020

Kerajaan



Datin Sefia Nik Roslini Raja Ismail
1.4.2020

Kerajaan



Datuk Seri Haji Suhaime Mahbar
1.4.2020

Kerajaan



Betty Hasan
1.4.2020

Kerajaan



Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong
1.4.2020

Kerajaan



Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai
1.4.2020

Kerajaan



Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir
1.5.2020

Pengerusi Lembaga



Dr Sivabalasingam Veerasingam
1.5.2020

Timbalan Pengerusi Panel Pelaburan, Kerajaan



Dato' Mohammed Azlan Hashim
1.9.2020

Profesional (Lembaga), Pengerusi Panel Pelaburan



Dato' Jamil Rakon
1.9.2020

Kerajaan



Datuk Ruben Emir Gnanalingam Abdullah
1.9.2020

Profesional



Dato' Dr. Syed Hussain Syed Husman
1.11.2020

Majikan



Tan Sri Dato' Sri Mohamad Norza Zakaria
1.11.2020

Profesional (Ahli Panel Pelaburan)



Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad
1.11.2020

Profesional (Ahli Panel Pelaburan)

AHLI LEMBAGA, AHLI SILIH GANTI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN YANG MENAMATKAN PERKHIDMATAN



Tan Sri Azman Shah Haron
15.3.2020

Majikan



Tan Sri Samsudin Osman
1.5.2020

Pengerusi Lembaga



Dato' Amir Omar
1.9.2020

Kerajaan



Betty Hasan
1.9.2020

Kerajaan



David Lau Nai Pek
1.11.2020

Profesional
(Ahli Panel Pelaburan)



Tan Sri Dato' Sri Mohamad Norza Zakaria
3.12.2020

Profesional
(Ahli Panel Pelaburan)

AHLI JAWATANKUASA LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

1. **Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir**,
Pengerusi
2. **Zakiah Jaafar**,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datin Setia Nik Roslini Raja Ismail
3. **Datuk Mohd Hasnol Ayub**
4. **Tuan Haji Adnan Mat**
5. **Khalid Haji Sufat**
6. **Alizakri Alias**

Jawatankuasa Strategi

1. **Zainal Abidin Mohd Kassim**,
Pengerusi
2. **Dato' Jamil Rakon**,
Timbalan Pengerusi
3. **Dato' Dr. Syed Hussain Syed Husman**
4. **Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)**
5. **Dato' Abdul Halim Mansor**
6. **Hadih Leen**
7. **Datuk Thomas George**
8. **Alizakri Alias**

Jawatankuasa Audit Lembaga

1. **Khalid Haji Sufat**,
Pengerusi
2. **Zakiah Jaafar**,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datin Setia Nik Roslini Raja Ismail
3. **Datuk Dr. Philip Ting Ding In (Philip)**
4. **Hadih Leen**
5. **Zainal Abidin Mohd Kassim**

Jawatankuasa Perjawatan, Perlantikan & Perkhidmatan

1. **Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman**,
Pengerusi
2. **Datuk Seri Panglima Sr. Hj. Safar Untong**,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai
3. **Datuk Mohd Hasnol Ayub**
4. **Tan Sri Dr. Lim Wee Chai**
5. **Tuan Haji Adnan Mat**
6. **Khalid Haji Sufat**
7. **Alizakri Alias**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga

1. **Datuk Amar Jaul Samion**,
Pengerusi
2. **Datuk Thomas George M.S. George**,
Timbalan Pengerusi
3. **Dato' Dr. Syed Hussain Syed Husman**
4. **Catherine Jikunan**
5. **Alizakri Alias**

Jawatankuasa Tatatertib Lembaga

1. **Dato' Jamil Rakon**,
Pengerusi
2. **Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar Untong**,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datuk (Datu) Rosmadi Datu Sulai
3. **Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman**
4. **Hadih Leen**
5. **Zainal Abidin Mohd Kassim**

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Lembaga

1. **Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir**,
Pengerusi
2. **Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman**,
Timbalan Pengerusi
Silih Ganti: Datuk Seri Haji Suhaime Mahbar
3. **Datuk Mohd Hasnol Ayub**
4. **Tan Sri Dr. Lim Wee Chai**
5. **Dato' Abdul Halim Mansor**
6. **Catherine Jikunan**
7. **Datuk Thomas George M.S. George**

Lembaga Perolehan

1. **Datuk Thomas George M.S. George**,
Pengerusi
2. **Datuk Dr. Ting Ding Ing (Philip)**,
Timbalan Pengerusi
3. **Tuan Haji Adnan Mat**
4. **Catherine Jikunan**
5. **Alizakri Alias**

Jawatankuasa Risiko Panel Pelaburan

1. **Dato' Md Agil Mohd Natt**,
Pengerusi
2. **Rossana Annizah Ahmad Rashid**
3. **Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad**
4. **Alizakri Alias**

AHLI JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH



Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin
| Pengerusi

- Pengarah Eksekutif, International Syariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)
- Profesor, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (BNM)
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, International Islamic Financial Market (IIFM), Bahrain
- Timbalan Pengerusi, Majlis Pengawasan Syariah, Labuan Financial Services Authority (FSA)
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Yassar Limited, United Kingdom
- Ahli Penasihat Syariah, Dar Al Takaful, Dubai
- Pengerusi, Maldives Monetary Authority Syariah Board, Maldives
- Ahli Financial Regulation Advisory Council of Experts (FRACE), Central Bank of Nigeria
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Prof. Madya Dr. Aznan Hasan
| Timbalan Pengerusi

- Profesor Madya, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Presiden, Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia
- Timbalan Pengerusi, Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Lembaga Syariah Tertinggi, Bank Negara Abu Dhabi
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), Bahrain
- Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Kumpulan Maybank
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, FNB Bank (South Africa)
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Global HSBC Amanah
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Global Standard Chartered
- Ahli Lembaga Penasihat Syariah, Amanah Raya Berhad



Dr. Zaharuddin Abdul Rahman
| Ahli Jawatankuasa

- Pengasas/Pengarah Urusan, Elzar Syariah Solutions & Advisory Sdn Bhd
- Pengasas/Pengarah Urusan, MyClass Technology Sdn Bhd
- Professor Adjung, Fakulti Bisnes & Perakaunan, UNISZA & UNISEL
- Ahli Lembaga Pengarah, Urban Mobility Asia Plc Ltd, Singapore & Malaysia
- Ahli Lembaga Pengarah, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) and Pengerusi, Jawatankuasa Audit & Risiko, and Jawatankuasa Kewangan & Pelaburan
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM) dan Pengerusi, Jawatankuasa Risiko & Kelestarian YAPIEM
- Pengerusi, Jawatankuasa Syariah, Exim Bank Malaysia dan ONEXO
- Ahli Lembaga, Urus Harta Jemaah Sdn Bhd
- Penasihat Syariah, Sedania Salam Capital Sdn Bhd
- Ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Prof. Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
| Ahli Jawatankuasa


- Profesor, Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (BNM)
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli Majlis Penasihat Syariah, Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIEM)
- Ahli Lembaga, AWQAF Holdings
- Ahli Majlis, Khadijah International Waqf Foundation (KIWF)
- Ahli, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Ahli Majlis Pengawasan Syariah, Labuan Reinsurance (L) Ltd
- Ahli Jawatankuasa Syariah, Amanah Ikhtiar Malaysia
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia



Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Noordin
| Ahli Jawatankuasa

- Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Kenanga Investment Bank Berhad (KIBB)
- Pengerusi, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Swiss Re Retakaful
- Pengerusi, Panel Penasihat Syariah, LIMRA Group of Companies
- Ahli, Jawatankuasa Syariah MUA Life Ltd, Mauritius
- Ahli, Jawatankuasa Syariah, RHB Islamic Bank
- Penasihat Syariah (Individu) berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

STRUKTUR ORGANISASI



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, KETUA PEGAWAI PELABURAN, KETUA PEGAWAI OPERASI, KETUA PEGAWAI STRATEGI, KETUA PEGAWAI TEKNOLOGI DIGITAL DAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN



1 Alizakri Alias
| Ketua Pegawai Eksekutif



2 Rohaya Mohammad Yusof
| Ketua Pegawai Pelaburan



3 Dato' Mohd Naim Daruwish
| Ketua Pegawai Operasi



4 Nurhisham Hussein
| Ketua Pegawai Strategi



5 Muhammad Afhzal Abdul Rahman
| Ketua Pegawai Teknologi Digital



6 Sazaliza Zainuddin
| Ketua Pegawai Kewangan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, KETUA PEGAWAI PELABURAN, KETUA PEGAWAI OPERASI, KETUA PEGAWAI STRATEGI, KETUA PEGAWAI TEKNOLOGI DIGITAL DAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN

1 Alizakri Alias | Ketua Pegawai Eksekutif

Alizakri Alias merupakan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, jawatan yang telah disandang sejak 20 Ogos 2018.

Beliau menyertai KWSP pada 1 Januari 2014 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Strategi) dan bertanggungjawab untuk mengawasi dasar nasional berkaitan perlindungan sosial, serta perkembangan produk dan perkhidmatan KWSP. Di samping itu, beliau bertanggungjawab dalam aspek strategi dan urusan korporat, modal insan, dan pembangunan bakat. Beliau juga merupakan anggota *ex-officio* Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan.

Alizakri merupakan Ahli Lembaga Pengarah Battersea Power Station Development Company Limited, Sime Darby Plantations Bhd, dan Kwasa Utama Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Lembaga Pengarah Astro Malaysia Holdings Bhd sejak Februari 2019, dan pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Lembaga Dialog Group Berhad, Naib Pengerusi Suruhanjaya Teknikal Organisasi, Pengurusan, & Inovasi dibawah Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA), dan Ketua Setiausaha Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA).

Sebelum menyertai KWSP, beliau merupakan Ketua Pegawai Pemasaran dan Ketua Pegawai Operasi The Iclif Leadership and Governance Centre. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Pengurusan Strategik di Bank Negara Malaysia, Pengarah dan Ketua Strategi dan Hal Ehwal Korporat di DiGi Telecommunications Sdn Bhd, dan Naib Presiden dan Ketua Perancangan Strategik Kumpulan di Malayan Banking Bhd.

Alizakri memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Cornell University, dan Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari King's College, University of London, United Kingdom. Beliau berkecualan sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Malaya dan sebagai Peguam (Lincoln's Inn) di mahkamah England dan Wales.

2 Rohaya Mohammad Yusof | Bahagian Pelaburan

Rohaya Mohammad Yusof telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan KWSP pada Januari 2020.

Beliau memulakan kerjayanya di KWSP pada tahun 2008, dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di Bahagian Pelaburan. Beliau juga memiliki pengalaman lebih daripada 18 tahun di dalam bidang perbankan pelaburan sebelum menyertai KWSP.

Rohaya kini merupakan Pengerusi Institutional Investors Council Malaysia dan adalah salah satu Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Khazanah. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Resources Corporation Berhad, Projek Lebuhraya Usahasama Berhad, United Plantations Berhad, dan Yinson Holdings Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan daripada Australia National University dan merupakan ahli bersekutu CPA Australia.

3 Dato' Mohd Naim Daruwish | Bahagian Operasi

Dato' Mohd Naim Daruwish dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), kini dikenali sebagai Ketua Pegawai Operasi, pada 1 Oktober 2014.

Dato' Mohd Naim memulakan karier sebagai Majistret di Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman Malaysia dari tahun 1985 hingga 1992.

Beliau mula berkhidmat di KWSP pada tahun 1992 sebagai Pengurus di Bahagian Pendakwaan/ Litigasi dan pernah memegang pelbagai jawatan termasuk Ketua Jabatan Penguatkuasaan, Ketua Jabatan Undang-undang, dan Ketua Jabatan Caruman.

Dari Disember 2011 hingga September 2014, beliau telah dipinjamkan ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

Beliau kembali berkhidmat di KWSP pada Oktober 2014 sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi).

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) dari Universiti Malaya.

4 Nurhisham Hussein | Bahagian Strategi

Nurhisham Hussein telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi pada 2019.

Nurhisham terdahulu merupakan Ketua Jabatan Ekonomi dan Pasaran Modal, di mana beliau bertanggungjawab untuk mengawasi perkembangan ekonomi lebih daripada 20 negara di seluruh dunia yang menyumbang kepada proses pelaburan di KWSP.

Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang perbankan saudagar di era 1990an, dan telah menyandang pelbagai jawatan dalam bidang ekonomi dan institusi kewangan seperti di Bank Perwira Affin, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC).

Nurhisham berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dalam bidang Ekonomi Monetari daripada University of London School of Economics and Political Science (LSE), United Kingdom, dan merupakan pemegang Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Malaya (UM).

5 Muhammad Afhzal Abdul Rahman | Bahagian Teknologi Digital

Muhammad Afhzal Abdul Rahman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Teknologi Digital pada tahun 2019. Beliau mengetuai Bahagian Teknologi Digital dan bertanggungjawab untuk memacu strategi teknologi digital, pelaksanaan inisiatif teknologi, dan pembangunan sistem teknologi maklumat serta operasi teknologi yang terdiri daripada 336 orang pegawai teknologi.

Sebelum menyertai KWSP, beliau mempunyai pengalaman bekerja selama 13 tahun bersama organisasi multinasional seperti Maybank, Shell, T-Systems, DHL, dan IBM dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik teknologi yang memberi manfaat dan impak kepada organisasi.

Selain itu, beliau juga mempunyai pengalaman selama 22 tahun dalam pelbagai aspek pengurusan dan penggunaan teknologi merangkumi aspek strategi, transformasi digital, serta pembangunan sistem teknologi maklumat dalam sektor kewangan dan industri minyak dan gas.

Muhammad Afhzal merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Elektrik) daripada Columbia University, New York, Amerika Syarikat.

6 Sazaliza Zainuddin | Bahagian Kewangan Dan Perkhidmatan

Sazaliza Zainuddin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada 3 April 2017.

Sazaliza mula berkhidmat di KWSP pada bulan Julai 2006 sebagai Ketua Akaun di Jabatan Kewangan dan telah memegang beberapa jawatan lain sebelum dinaikkan pangkat kepada Ketua Pegawai Kewangan. Jawatan terdahulu yang dipegang termasuk Ketua Jabatan Kewangan, Ketua Jabatan Pengurusan Perolehan, dan Ketua Jabatan Audit Dalam. Beliau juga pernah berkhidmat di PricewaterhouseCoopers sebagai Pengurus Kanan sebelum berkhidmat di KWSP.

Beliau merupakan Pengarah di Malaysia Building Society Berhad dari tahun 2017 hingga 2018 dan HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad dari tahun 2013 hingga 2017. Sazaliza kini merupakan Ahli Lembaga bukan eksekutif MBSB Bank Berhad.

Beliau merupakan pemegang ACCA dan berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dan Kewangan daripada South Bank University, United Kingdom.

PENGURUSAN KANAN



Alizakri Alias

| **Ketua Pegawai Eksekutif**

Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi. Beliau memberikan bimbingan, nasihat, termasuk kepimpinan kepada Pengurusan Kanan untuk memastikan strategi dan polisi organisasi dapat dicapai. KPE juga menyelia pelaksanaan pelan jangka panjang dan pendek KWSP dan merupakan penghubung antara Pengurusan dan Lembaga. Jabatan-jabatan yang melaporkan secara terus kepada KPE ialah Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalam, dan Jabatan Integriti & Tadbir Urus.



Dato' Mohd Naim Daruwish

| **Bahagian Operasi**

Bahagian Operasi bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan operasi teras, terutamanya yang melibatkan ahli dan majikan, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang efektif pada setiap masa. Bahagian ini juga menyediakan khidmat nasihat kepada pelanggan dan memastikan pematuhan terhadap peraturan kawal selia. Di samping itu, Bahagian ini juga menyediakan fungsi sokongan kepada pihak berkepentingan dalaman.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian Operasi ialah Jabatan Pendaftaran dan Operasi Sokongan, Jabatan Caruman, Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Transformasi Operasi dan Penyelarasan, Jabatan Rangkaian Perkhidmatan, Pusat Pengurusan Perhubungan serta 68 pejabat cawangan di seluruh Malaysia.



Rohaya Mohammad Yusof

| **Bahagian Pelaburan**

Bahagian Pelaburan menguruskan aset bernilai RM1000.10b secara global dengan melabur di pelbagai kelas aset di sektor awam dan persendirian.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyelidik dan menguruskan dana meliputi pelbagai kelas aset. Jabatan-jabatan ini adalah Jabatan Ekuiti Domestik, Jabatan Ekuiti Luar Negara, Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Pasaran Modal, Jabatan Pelaburan Hartanah, Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur, Jabatan Pengurus Dana Luar, Jabatan Penyelidikan Ekuiti, Jabatan Kuantitatif & Analitik Pelaburan dan Jabatan Operasi Pelaburan.



Nurhisham Hussein

| **Bahagian Strategi**

Bahagian Strategi memastikan pelan pertengahan dan jangka panjang dilaksanakan di samping mengekalkan reputasi baik KWSP. Selain itu, Bahagian ini juga turut mengurus isu-isu strategik berkaitan modal insan serta pembangunan bakat.

Jabatan-jabatan di bawah Bahagian ini ialah Jabatan Pengurusan Strategi, *People Matters Department*, Jabatan Hal Ehwal Korporat, *EPF Learning Campus*, dan Jabatan Ekonomi & Penyelidikan.

PENGURUSAN KANAN



Muhammad Afhzal Abdul Rahman

| Bahagian Teknologi Digital

Bahagian Teknologi Digital menyokong perniagaan dan operasi KWSP dengan melaksanakan dan mengendalikan penyelesaian dan perkhidmatan teknologi digital yang berfokuskan pelanggan, inovatif, kukuh dan terjamin.

Jabatan-jabatan di bawah seliaan Bahagian Teknologi Digital termasuk Seksyen Penyelesaian Platform Digital, Jabatan Penyelesaian Teras Digital, Jabatan Penyelesaian Enterpris Digital, Jabatan Infrastruktur Digital, Jabatan Keselamatan Digital dan Seksyen Pengurusan Perkhidmatan Digital.



Sazaliza Zainuddin

| Bahagian Kewangan dan Perkhidmatan

Bahagian Kewangan & Perkhidmatan bertanggungjawab memastikan operasi keseluruhan kewangan dan perkhidmatan dapat diselaraskan melalui penyediaan perkhidmatan yang berkesan dan efisien serta mematuhi tadbir urus yang ditetapkan.

Jabatan-jabatan di bawah bahagian ini ialah Jabatan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pelaburan, Jabatan Undang-Undang, dan Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan.



Cindy Tan Ler Chin

| Jabatan Pengurusan Risiko

Jabatan Pengurusan Risiko bertanggungjawab menubuhkan, merumuskan dan mengesyorkan serta menguruskan Pengurusan Risiko Enterprise yang mampan. Ini akan memastikan bahawa semua risiko-risiko utama dikenalpasti dan kawalan-kawalan yang bersesuaian diwujudkan selaras dengan pengurusan risiko yang berstrategik. Pengurusan risiko yang diamalkan secara sofistikated dan bersepadu meliputi keseluruhan organisasi pada tahap yang melangkaui piawaian industri.



Nik Mohamed Yusoff Affendi Jaafar

| Jabatan Integriti & Tadbir Urus

Jabatan Integriti & Tadbir Urus bertanggungjawab memastikan operasi serta urus niaga KWSP dilaksanakan secara telus dan profesional dengan menyediakan khidmat nasihat dalam aspek integriti, tadbir urus dan antirasuah kepada Pengurusan. Selain itu, jabatan ini turut memperkasakan integriti di KWSP dengan melaksanakan Program Outreach pendidikan dan kesedaran integriti kepada anggota dan pemegang kepentingannya.

PENGURUSAN KANAN



Zaini Shaari

| **Jabatan Audit Dalam**

Jabatan Audit Dalam bertindak sebagai rakan strategik kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pengurusan dalam mencapai matlamat organisasi dengan memberikan jaminan objektif serta pandangan yang bebas terhadap keberkesanan tadbir urus, pengurusan risiko, dan proses kawalan dalaman. Jabatan ini juga membantu KWSP dalam mendorong penerapan nilai-nilai organisasi demi mencapai objektif strategik, operasi, kewangan dan pematuhan.



Annie Rosle

| **Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur**

Jabatan Ekuiti Persendirian & Infrastruktur menilai dan melaksanakan peluang pelaburan ekuiti persendirian dan infrastruktur yang memenuhi pulangan yang disasarkan. Jabatan ini menguruskan tiga kelas aset, iaitu Hartanah, Ekuiti Swasta dan Infrastruktur.



Ahmad Ridzuan Wan Idrus

| **Jabatan Operasi Pelaburan**

Jabatan Operasi Pelaburan ialah Rakan Perniagaan Bahagian Pelaburan dalam hal-hal berkaitan perkhidmatan syariah, transformasi pelaburan, teknologi maklumat dan digital, penambahbaikan proses berterusan, dan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan Bahagian Pelaburan.



Azhar Ahmad

| **Jabatan Pasaran Modal**

Jabatan Pasaran Modal bertanggungjawab untuk menguruskan mandat pendapatan tetap bagi pasaran domestik dan global yang merangkumi langganan serta urusniaga Sekuriti Hutang Persendirian (PDS) dan penyertaan di dalam cadangan Pinjaman / Pembiayaan.

Jabatan ini menyediakan pelbagai pilihan penyelesaian yang komprehensif serta menyeluruh bersesuaian dengan keperluan Pasaran Modal, disamping mengoptimalkan pulangan dan memelihara modal melalui diversifikasi di dalam pelbagai spektrum kredit.

PENGURUSAN KANAN

**Azizul Zainol**| **Jabatan Perbendaharaan**

Jabatan Perbendaharaan bertanggungjawab untuk menguruskan kelas aset tunai dan portfolio pelaburan pendapatan tetap (Kerajaan dan seantaranya). Jabatan ini juga menguruskan keperluan pertukaran matawang asing KWSP dan melaksanakan dasar lindung nilai untuk melindungi risiko pertukaran matawang asing dan risiko kadar faedah.

**Fariza Ali @ Taib**| **Jabatan Pengurus Dana Luar**

Jabatan Pengurus Dana Luar bertanggungjawab mengawasi pengurus dana luar berdasarkan amalan terbaik industri bagi mengoptimumkan pulangan pelaburan dalam kawalan risiko yang berpatutan melalui kepelbagaian pelaburan dengan melantik pengurus dana terbaik dalam kelas aset yang berkenaan di pasaran domestik dan global.

**Badrul Hisham Dahalan**| **Jabatan Kuantitatif & Analitik Pelaburan**

Jabatan Kuantitatif & Analitik Pelaburan bertanggungjawab dalam strategi pelaburan perusahaan dan analisis pelaburan termasuk Peruntukan Aset Strategik, Peruntukan Aset Taktikal (TAA) dan penganggaran pelaburan untuk memastikan pulangan pelaburan dioptimumkan dalam tahap risiko tertentu serta sesuai dengan objektif pelaburan KWSP.

Jabatan ini juga mengawasi pengawasan Institusi Pengurusan Dana di bawah Skim Pelaburan Anggota (MIS) untuk memastikan pelaburan anggota di bawah skim tersebut dilindungi.

**Lim Tze Seong**| **Jabatan Ekuiti Luar Negara**

Jabatan Ekuiti Antarabangsa menguruskan pelaburan ekuiti antarabangsa dengan berhemah dan mengoptimumkan pulangan pelaburan ekuiti yang dibentuk dalam Peruntukan Aset Strategik KWSP. Tujuan strategik jabatan ini adalah menjadi pengurus pelaburan ekuiti global terkemuka dalam industri pencen sambil memenuhi keperluan pihak berkepentingan.

PENGURUSAN KANAN



Mohamad Hafiz Kassim

| **Jabatan Pelaburan Hartanah**

Jabatan Pelaburan Harta menguruskan portfolio Hartanah domestik dan antarabangsa. Peranan jabatan merangkumi pembelian, pengurusan aset, pelupusan dan pengoptimuman portfolio. Kemahiran dalaman dan luaran digunakan untuk memastikan KWSP membuat pelaburan yang bertanggungjawab dengan profil ganjaran risiko yang seimbang.



Zalinah A Hamid

| **Jabatan Ekuiti Domestik**

Jabatan Ekuiti Domestik bertanggungjawab untuk melabur dan mengurus portfolio ekuiti domestik berdasarkan peruntukan aset dan mandat pelaburan yang diluluskan secara berhemah, telus dan profesional sambil mengoptimumkan pulangan pelaburan mengikut risiko yang dibenarkan.



Nor Azam Yahya

| **Jabatan Penyelidikan Ekuiti**

Jabatan Penyelidikan Ekuiti menganalisa dan menilai syarikat-syarikat tersenarai awam yang dilaburkan oleh KWSP dan menjalankan pengawasan ESG ke atas syarikat-syarikat tersebut.



C. Baharudin Wahab

| **Jabatan Caruman**

Jabatan Caruman bertanggungjawab dalam menyediakan pelbagai saluran bayaran untuk majikan meresitkan caruman kepada pekerja mereka dengan mudah di mana sahaja dan pada bila-bila masa. Caruman yang diterima dikesit dan dikreditkan dalam akaun ahli secara efisien dan efektif. Jabatan ini turut bertanggungjawab mengurus, menyelenggara dan mengemaskini akaun majikan dan ahli dengan teratur dalam masa yang ditetapkan.

PENGURUSAN KANAN



Dato' Khalid Haron

| Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran

Jabatan Pengurusan Operasi Pengeluaran bertanggungjawab menyediakan dasar, operasi manual, arahan kerja dan garis panduan untuk semua jenis skim pengeluaran selari dengan polisi dan peruntukan Akta KWSP dan melaksanakan penambahbaikan yang berterusan supaya semua permohonan pengeluaran akan diproses dengan cara yang lebih tepat, cepat dan cekap. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk mengawasi keberkesanan dan kecekapan prestasi operasi pengeluaran.



Majidah Yahya

| Jabatan Pendaftaran & Operasi Sokongan

Jabatan Pendaftaran & Operasi Sokongan bertanggungjawab dalam memastikan semua urusan berkaitan pendaftaran ahli, majikan dan penamaan ahli mematuhi garis panduan dan peraturan yang ditetapkan. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk menguruskan dokumen dan data majikan serta ahli bagi memastikan ianya tepat, berintegriti dan disimpan dengan selamat. Selain itu, jabatan ini juga memberi khidmat sokongan kepada jabatan-jabatan KWSP di Hub (Operasi) dalam urusan pentadbiran dan kewangan.



Hardial Singh A/L Mitt Singh

| Jabatan Penguatkuasaan

Jabatan Penguatkuasaan bertanggungjawab melindungi kepentingan pekerja berdasarkan Akta KWSP 1991 dengan memastikan majikan membayar caruman KWSP dengan tepat dan teratur. Di samping itu, Jabatan ini juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat yang menyeluruh kepada majikan berhubung pematuhan undang-undang dan produk-produk KWSP.



Mohd Rodzi Abu Bakar

| Jabatan Rangkaian Perkhidmatan

Jabatan Rangkaian Perkhidmatan bertanggungjawab untuk memberikan sokongan serta mengawasi keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan KWSP menerusi semua saluran perkhidmatan seperti Saluran Elektronik, Khidmat Nasihat Ahli, Kaunter Perkhidmatan, *Mobile Team*, dan Pengurusan Operasi Cawangan. Objektif strategik Jabatan ini adalah untuk memberikan pengalaman pelanggan dan digital yang terbaik kepada ahli.

PENGURUSAN KANAN



Norizah Hassalli

| Pusat Pengurusan Perhubungan

Pusat Pengurusan Perhubungan menguruskan semua medium saluran komunikasi KWSP, bagi memastikan pengurusan perhubungan pelanggan KWSP berada di tahap yang cemerlang melalui pemantauan berkala tahap indeks kepuasan dan pengalaman pelanggan KWSP.



Tamilwanan A/L Palaniappan

| Jabatan Pengurusan Harta

Jabatan Pengurusan Harta menyediakan ruang kerja dan awam yang kondusif dan selamat bagi anggota dan pelanggan KWSP. Dalam menyediakan perkhidmatan ini, Jabatan ini memastikan semua peraturan pihak berkuasa tempatan berkaitan dipatuhi.



Ong Hock Chye

| Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan

Jabatan Transformasi Operasi & Penyelarasan bertanggungjawab melaksanakan kajian, penambahbaikan berterusan dan perubahan radikal untuk mentransformasikan proses operasi bagi memenuhi keperluan masa hadapan dalam persekitaran yang dinamik dan kompleks. Jabatan ini juga membantu menyelaras proses operasi dan memacu pelbagai inisiatif untuk menyemai budaya kualiti dan inovatif di kalangan anggota KWSP.



Noorhaslin Mohd Baseri

| Jabatan Perkhidmatan Pelaburan

Jabatan Perkhidmatan Pelaburan memastikan pematuhan polisi dan garis panduan dalaman yang berkaitan dengan pelaburan serta undang-undang dan penguatkuasaan relevan yang mentadbir pelaburan domestik dan luar negara KWSP. Ia bertanggungjawab untuk menyelesaikan segala transaksi pelaburan berpandukan kelaziman pasaran dan memastikan semua rekod perakaunan dan laporan berkenaan mematuhi polisi yang digunapakai oleh KWSP. Ia juga bertanggungjawab ke atas *Chinese Wall Policy* dan *Data Governance* untuk KWSP.

PENGURUSAN KANAN



Nor Azian Mohd Noor

| Jabatan Kewangan

Jabatan Kewangan mengurus dan mengawal fungsi kewangan KWSP antaranya termasuk hal ehwal bajet, bayaran, cukai dan pelaporan kewangan. Jabatan ini juga memberi khidmat nasihat mengenai perakaunan, percukaian, pengurusan kos dan polisi kewangan.



Zalikar Yusoff

| Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan


Jabatan Pengurusan Perolehan Bekalan bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan barangan dan perkhidmatan mengikut Polisi Perolehan KWSP. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan proses perolehan yang cekap, beretika dan mematuhi tadbir urus korporat yang baik bagi mendapatkan nilai terbaik wang semasa.



Zaidatul Mazwin Idrus

| Jabatan Undang - Undang

Jabatan Undang-Undang berperanan sebagai penasihat undang-undang kepada organisasi, memberikan perkhidmatan sekretariat kepada Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP serta bertanggungjawab mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan dan mana-mana pihak yang tidak mematuhi peruntukan Akta KWSP 1991 dan undang-undang subsidiarinya.



Balqais Yusoff

| Jabatan Pengurusan Strategi

Jabatan Pengurusan Strategi bertanggungjawab dalam menggariskan hala tuju organisasi serta memastikan strategi korporat direalisasikan mengikut pelan tindakan yang kukuh. Ia juga menguruskan hubungan dengan pihak berkepentingan dalam memacu penggubalan dasar serta menambah baik produk dan perkhidmatan bagi memastikan KWSP kekal relevan di samping meningkatkan kesejahteraan dan membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik.

PENGURUSAN KANAN



Mohamad Fahmi Abdul Rahim

| **People Matters Department**

People Matters Department memacu sasaran perniagaan melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang berkaitan dengan modal insan dan kerja-kerja transaksi yang menyokong kitaran pengurusan bakat. Melalui kolaborasi bersama pihak berkaitan, rancangan strategik jabatan ini mengambil kira aspek kesejahteraan di KWSP. Jabatan ini juga komited dalam memperkasakan modal insan supaya dapat memberi nilai mampan kepada KWSP.



Raja Zafura Raja Zain

| **Jabatan Hal Ehwal Korporat**

Jabatan Hal Ehwal Korporat bertanggungjawab untuk menguruskan reputasi organisasi melalui komunikasi dalaman, pemasaran dan strategi dengan matlamat utama untuk memantapkan peranan KWSP sebagai organisasi perlindungan sosial.



Nurhisham Hussein

| **Jabatan Ekonomi & Penyelidikan**

Jabatan Ekonomi & Penyelidikan memantau perkembangan ekonomi di negara-negara di mana KWSP melakukan aktiviti pelaburan. Ini akan memberi gambaran mengenai perumusan strategi pelaburan dan peruntukan portfolio dengan mengambil kira faktor risiko pasaran.



Suhaizam Ismail

| **EPF Learning Campus**

EPF Learning Campus (ELC) bertanggungjawab merangka strategi pembelajaran dan memacu pelan pembelajaran, objektif, dan polisi latihan korporat. Sebagai peneraju pembelajaran untuk KWSP, ELC menawarkan program pembangunan pembelajaran berstruktur dan pendidikan keselamatan sosial memfokuskan kepada kompetensi masa depan melalui penyelesaian pembelajaran yang komprehensif termasuk penyelidikan, perundingan, pembangunan dan pelaksanaan.

PENGURUSAN KANAN

**Jasmine Goh Wan Chen**

| Jabatan Keselamatan Digital

Jabatan Keselamatan Digital bertanggungjawab untuk melindungi kerahsiaan, integriti dan maklumat kritikal dan aset KWSP. Jabatan ini juga membangunkan dan menguatkuasakan dasar dan prosedur keselamatan digital berdasarkan piawaian industri, amalan terbaik, dan garis panduan peraturan yang relevan.

**Rosziata Mohamad**

| Jabatan Penyelesaian Teras Digital

Jabatan Penyelesaian Teras Digital bertanggungjawab membangunkan, melaksanakan dan mengendalikan penyelesaian teknologi ke atas sistem teras dana simpanan KWSP. Ini membolehkan KWSP melaksanakan mandat keselamatan sosial dalam memberikan perlindungan keselamatan sosial yang mencukupi, liputan yang lebih baik, perkhidmatan pelanggan yang cekap serta pengutipan caruman yang tepat pada masanya.

**Ravi Kumar A/L T. Wickniswasarajah**

| Jabatan Infrastruktur Digital

Jabatan Infrastruktur Digital bertanggungjawab untuk membangunkan, melaksanakan dan mengendalikan infrastruktur teknologi untuk menyokong sistem serta operasi digital KWSP. Jabatan ini menyediakan infrastruktur digital yang kukuh, berdaya tahan, selamat dan mempunyai kebolehpulihan yang mematuhi piawaian dan peraturan seni bina teknikal KWSP untuk memenuhi kapasiti dan prestasi teknologi maklumat yang diperlukan oleh operasi KWSP.

**Wu Tze Chyi @ Eva Wu**

| Jabatan Penyelesaian Enterpris Digital

Jabatan Penyelesaian Enterpris Digital bertanggungjawab membangunkan, melaksanakan dan mengendalikan penyelesaian teknologi bagi keseluruhan organisasi KWSP yang menyokong keperluan maklumat korporat, operasi, pengurusan serta keperluan pelaburan di samping penyelesaian kolaborasi dan produktiviti.